

12 AUG 2004

S'pura-Serah

S'PURA BERI PENGHORMATAN KEPADA GOH CHOK TONG

SINGAPURA, 12 Ogos (Bernama) -- Semuanya berjalan seperti biasa bagi Perdana Menteri Goh Chok Tong semasa beliau mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Kabinet di Istana tengah hari semalam.

Goh, 63, yang secara rasminya menyerahkan kuasa kepada timbalannya Lee Hsien Loong malam ini, kelihatan tenang semasa mengambil tempat duduk di sebelah kiri Lee manakala bapa penggantinya itu, Menteri Kanan Lee Kuan Yew duduk bertentangan dengannya.

"Tiada apa-apa yang luarbiasa pada mesyuarat hari ini," kata Goh. Tetapi menurutnya beliau berasa "amat tenang dan amat gembira, kerana semuanya amat memuaskan sepanjang 14 tahun itu."

Dalam rombakan Kabinet pada Selasa, Kuan Yew yang berusia 81 tahun bulan depan, dilantik sebagai Menteri Mentor. Jawatan Menteri Kanan yang dipegangnya diambil alih oleh Goh.

Goh juga dilantik Pengerusi Bank Pusat (MAS) mengambil alih jawatan itu daripada Hsien Loong, 52, yang mengekalkan portfolio Menteri Kewangan.

"Saya mempunyai pasukan yang baik untuk membantu dalam tugas saya, dan yang paling penting, pasukan baru dan Perdana Menteri baru, dan pasukan ini akan memastikan Singapura mencapai kejayaan lebih besar," kata Goh kepada pemberita pada awal mesyuarat itu.

"Saya masih dalam bot yang sama. Tetapi sekarang ada ketua baru, tetapi saya masih seorang daripada krewnya...saya masih perlu membaiki layarnya, saya masih perlu membantu mengemudikan bot jika perlu, jadi saya tidak kehilangan apa-apa," katanya semasa ditanya apa yang beliau rasa paling kehilangan setelah tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Semasa Lee Kuan Yew meletakkan jawatan pada 1990, Goh bukan merupakan pilihan pertama sebagai penggantinya. Kini, pada hari terakhir Goh sebagai Perdana Menteri, Kuan Yew memberikan penghormatan dan penghargaan terhadap pencapaiannya.

"Beliau mempunyai gaya tersendiri sebagai ketua pasukan. Beliau berjaya mendapatkan orang-orang yang berkebolehan untuk bekerja dengannya. Apabila perlu, beliau memujuk rakyat Singapura menerima langkah tegas. Melalui cara itu, beliau berjaya membawa Singapura mengharungi beberapa masalah besar seperti krisis kewangan Asia pada 1997, dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) pada 2003."

Walaupun menghadapi ujian getir dengan Indonesia di bawah Presiden Habibie dan dengan Malaysia di bawah Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Goh berjaya memastikan hubungan terus terjalin dengan baik, katanya dalam satu kenyataan semalam.

"Kini Singapura berada dalam keadaan baik. Ekonomi semakin pulih selepas beliau mendapat sokongan kesatuan-kesatuan dan anggotanya untuk mengurangkan caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pusat dan rombakan struktur gaji bagi memasukkan pembayaran gaji mengikut skel kekananan," kata Kuan Yew.

Negarawan itu berkata walaupun Goh bukan seorang ahli politik semulajadi, dengan keazaman dan usaha gigih, beliau belajar menjadi seorang penceramah yang efektif.

"Beliau telah menambah kepada apa yang telah dibina oleh generasi saya dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat kita dalam banyak bidang. Beliau telah melakukan yang terbaik buat kita semua. Saya bangga dan gembira kerana saya seorang daripada anggota pasukannya. Kami saling bekerjasama dengan baik." kata bapa pengasas Singapura itu.

Rakyat turut memberikan penghormatan kepada Goh pada malam Isnin semasa menyambut Hari Kebangsaan.

"Ini merupakan sambutan gilang gemilang bagi Singapura. Dan bagi diri saya secara peribadi, sesuatu yang amat menyentuh perasaan," kata Goh selepas menyaksikan perbarisan Hari Kebangsaan itu.

Bagi ramai warganegaranya, Goh yang mesra dan peramah itu akan sentiasa diingati semasa nota ucapan `Terima Kasih" terus mencurah, dengan media tempatan menyiarkan ucapan selamat dan mesej daripada penduduk segenap lapisan.

"Terima kasih Encik Goh kerana menjadikan Singapura sebuah masyarakat yang lebih penyayang dan mesra," kata Cynthia Lee, yang menghantar poskad dari Australia yang disiarkan Straits Times semalam.

"PM Goh telah membawa Singapura daripada `baik' kepada `hebat'. Beliau telah menyuntik perasaan dan jiwa kepada masyarakat. Bagi diri saya, beliau akan sentiasa dikenang sebagai Perdana Menteri kita, Perdana Menteri Jiwa kita. Saya amat bangga menjadi rakyat Singapura," kata Leon Tham.

"Nenek saya merupakan peminat nombor satu SM (Menteri Kanan) Lee Kuan Yew. Sekiranya Singapura sebuah drama, saya fikir tuan adalah watak kedua selepas watak pembukaan yang hebat oleh SM Lee (Kuan Yew)," kata Jean Tan-Roberts.

"Saya mengkagumi cara Lee Kuan Yew dan usaha gigihnya dalam membangunkan Singapura, tetapi tuan mempunyai daya tarikan yang mengembirakan hati kami," kata Anne Leong.

"Semasa tuan memegang jawatan Perdana Menteri, ramai orang menganggap tuan sebagai hanya "memanaskan kerusi". Kini tuan akan bersara, tuan akan sentiasa diingati sebagai `Perdana Menteri Rakyat'," kata Chia Ai Ling.

Walaupun dikenali dengan imej "Mr Nice Guy", "Goh tidak terbawa-bawa dengan nama jolokan itu," kata editor politik Straits Times Zuraidah Ibrahim.

Menyedari sukar untuk mengikut jejak langkah Lee Kuan Yew, Goh yang menjadi Perdana Menteri pada usia 49 tahun, menyingkirkan harapan standard tinggi daripada fikiran rakyat, kata Zuraidah dan berulang kali mengingatkan mereka bahawa sukar baginya untuk menyaingi Lee Kuan Yew.

"Saya tidak berhasrat untuk menyainginya. Saya akan melakukannya dengan cara tersendiri," kata Goh pada upacara pelantikannya pada 28 Nov, 1990. "Saya berhasrat untuk menjadi diri sendiri dan mempunyai gaya sendiri." Goh, menurut Zuraidah, telah mengotakan janji-janjinya, menolak sebarang cubaan untuk memaksa dirinya mencontohi Lee Kuan Yew.

"Dengan cara tersendiri, Encik Goh telah membawa perubahan besar kepada Singapura. Negara bertambah matang di bawah pimpinannya baik daripada segi ekonomi mahupun sosial, rakyat menjadi lebih berani bersuara dan kerajaan belajar menerima pendapat rakyat. Tiada kejayaan lebih besar daripada kejayaan seorang pemimpin politik yang telah membantu rakyatnya menjadi matang? Terima Kasih, Encik Goh."

-- BERNAMA

SS RHM